



**PEKELILING
KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
BILANGAN 18/1980**

*Permohonan Di Bawah Seksyen 17 Akta (Pembahagian)
Harta Pusaka Kecil, 1955*

Pekeliling ini dikeluarkan bagi menasihatkan Pemungut-pemungut mengenai keadaan-keadaan dalam mana sesuatu permohonan di bawah seksyen 17 Akta (Pembahagian) Harta Pusaka Kecil, 1955 itu boleh dibuat.

2. Seksyen 17 memperuntukkan bahawa sesuatu pihak yang berkepentingan bolehlah memohon kepada Pemungut di dalam borang yang ditentukan (Borang 'P' di bawah Peraturan 12(1) Peraturan-peraturan (Pembahagian) Harta Pusaka Kecil, 1955) supaya dilantikkan seorang pemegang amanah atau pentadbir yang baru, dibuatkan apa-apa perintah lain atau perintah selanjutnya, atau dibuat perintah menarik balik kaveat Pemungut. Seksyen tersebut juga memperuntukkan bahawa selepas menerima permohonan tersebut, Pemungut hendaklah menyasiat dan menyampaikan notis kepada mana-mana pihak yang lain yang terlibat dan jika sekiranya perkara itu akan menimbulkan pertelingkahan, maka beliau hendaklah mengadakan perbicaraan bagi permohonan tersebut seperti yang dijalankan bagi permintaan di bawah seksyen 8. Selepas penyiasatan atau perbicaraan, Pemungut hendaklah mengeluarkan perintah atau mengambil tindakan-tindakan yang sesuai dan perlu bagi melaksanakan keputusannya itu dan jika perlu mengatur supaya perintah itu didaftarkan dokumen hakmilik.

3. Adalah dianggap sesuatu permohonan di bawah seksyen 17 bolehlah dibuat oleh sesuatu pihak di dalam kes-kes yang berikut:

3.1 apabila terjumpa sesuatu harta si mati (harta tak alih atau sebaliknya ataupun bahagian si mati itu di dalam pusaka si mati yang lain) yang tidak dimasukkan dalam senarai harta-harta di dalam permintaan asal;

3.2 apabila perlu digantikan seorang yang telah dilantik sebagai pemegang amanah bagi bahagian waris yang belum dewasa;

3.3 apabila didapati mustahak seseorang pentadbir itu digantikan;

3.4 apabila perlu ditarik balik kaveat Pemungut dan diperolehi perintah supaya tanah atau kepentingan diturunkan kepada waris yang telah meningkat umur dewasa.

4. Sekiranya nilai pusaka tambahan tersebut menambahkan jumlah nilai pusaka si mati itu sehingga melebihi had pusaka kecil, maka Pemungut hendaklah mengambil tindakan di bawah seksyen 19 Akta yang sama sebelum meneruskan tindakan bagi kes itu.

5. Pemungut-pemungut adalah dinasihatkan bahawa orang-orang yang terlibat di dalam kes-kes yang disebutkan dalam perenggan 3 di atas perlulah diberitahu supaya membuat permohonan di bawah seksyen 17 Akta (Pembahagian) Harta Pusaka Kecil, 1955 dengan seberapa segeranya.

6. Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Bil. 15/1974 adalah dengan ini dibatalkan.

P.T.TM 252/6-10
Kuala Lumpur
24hb. Januari, 1980

NASRUDDIN BIN BAHARI
*Ketua Pengarah Tanah dan Galian
Persekutuan'*